

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HENRY SUM AGOI
(LAWAS)**

TARIKH : 28.05.2015 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 11

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapakah peruntukan yang disediakan Kerajaan Pusat untuk membantu JKR Sarawak, mengambil alih dan menyelenggarakan Projek Jalan Luar Bandar yang dilaksanakan oleh pihak tentera di bawah Projek Jiwa Murni.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah membuat semakan dan berdasarkan maklumat yang diterima Kementerian ini sepertimana Kementerian Pertahanan juga tidak mempunyai maklumat berkaitan peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Pusat untuk membantu Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak mengambil alih dan menyelenggara Projek Luar Bandar yang dilaksanakan oleh pihak tentera di bawah Projek Jiwa Murni.